

27/06/2002

Abdullah bakal sehebat bapa: Mokhzani

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya kepada keluarga beberapa minit selepas mengumumkan peletakan jawatan pada Perhimpunan Agung Umno petang Sabtu lalu.

Anaknya, Datuk Mokhzani, berkata perkara itu diberitahu oleh Perdana Menteri kepada mereka sekeluarga termasuk ibunya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan abangnya, Mirzan, dalam bilik khas di Bilik Perdana, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ketika itu, hanya mereka berempat berada di situ, manakala pemimpin kanan Umno diketuai Abdullah, menunggu di luar bilik kecil itu.

"Kami semua tak sangka bapa membuat keputusan mengejut itu. Untuk beberapa ketika di dalam bilik itu, bapa tetap bertegas dengan keputusan mahu letak jawatan dan dia menjelaskan sebab-sebabnya.

"Kemudian saya tanya, sama ada dia mahu Pak Lah (Abdullah) menggantikannya. Bapa menjawab, dia mahu Pak Lah menggantikannya. Katanya, Pak Lah mesti bersedia ambil alih sekarang," katanya kepada Berita Harian hari ini.

Mokhzani berkata, itu adalah kali pertama Dr Mahathir menyebut nama Abdullah sebagai penggantinya di hadapan ahli keluarga walaupun beliau pernah menyatakan demikian secara terbuka di khalayak ramai atau sidang akhbar sebelum ini berdasarkan kedudukan Abdullah selaku Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

Beliau yang akan berlepas ke Itali untuk menyertai bapanya bercuti esok menjelaskan, selepas dipujuk oleh pemimpin Umno, Dr Mahathir mengalah, tetapi tidak mahu menarik balik sepenuhnya peletakan jawatan itu.

"Ketika itu, tempoh masa bagi beliau untuk meletak jawatan masih menjadi tanda tanya termasuk di kalangan pemimpin kanan Umno sendiri. Tempoh sehingga Oktober tahun depan hanya dicapai dalam pertemuan dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno di Putrajaya, pagi kelmarin.

"Bapa kata dia tetap dengan keputusan itu, tetapi atas desakan jawatankuasa berkenaan, beliau bersetuju untuk memberi tempoh sehingga Oktober 2003. Pada saya tempoh yang dipersetujui itu seimbang atau sama-sama menang di antara kehendak parti, kerajaan, negara dan kemahuan keluarga.

"Saya turut berada di situ (Seri Perdana) ketika itu, tetapi tiada di bilik mesyuarat. Saya tidak terbabit kerana ia urusan parti. Yang saya tahu, kami sekeluarga tetap memberi sokongan terhadap apa saja keputusan bapa," katanya.

Menjawab soalan, Mokhzani yakin Abdullah berupaya memimpin negara dengan cemerlang dan perlu sokongan daripada semua tanpa sebarang keraguan.

"Anda perlu ingat, apabila bapa saya dinamakan Timbalan Perdana Menteri oleh Tun Hussein Onn dan Perdana Menteri selepas itu, orang ramai mempersoalkan sama ada dia boleh memimpin atau tidak.

"Kemudian beliau membuktikannya. Keadaan Pak Lah sekarang mungkin sama dilalui bapa 21 tahun lalu. Saya yakin Pak Lah akhirnya akan berjaya seperti bapa saya nanti," katanya.

(END)